

Masalah Melayu Pulau Pinang lebih penting

Um - 15/8/2006

PENOLAKAN isu penggiliran Ketua Menteri Pulau Pinang oleh Perdana Menteri baru-baru ini amat tepat dan wajar sekali. Isu yang ditimbulkan oleh beberapa orang Pergerakan Pemuda UMNO bahagian di Pulau Pinang sebenarnya suatu isu remeh yang akhirnya nanti menjejaskan perpaduan di antara parti komponen Barisan Nasional (BN).

Kemungkinan Pemuda UMNO membayangkan Ketua Menteri sekarang akan ditukarkan ke Pusat apabila Presiden Gerakan bersara nanti, akan memberikan satu ruang untuk menagih simpati agar jawatan Ketua Menteri digilirkan antara parti komponen BN. Jangkaan mereka ini amat meleset sekali dan tidak mengambil iktibar daripada masalah yang timbul semasa Sabah diperkenalkan sistem penggiliran KM suatu masa dahulu.

Lebih eloklah Pemuda UMNO Pulau Pinang memperkasakan organisasi mereka dan perjuangannya masalah kemiskinan dan jurang ekonomi yang sangat ketara di antara Melayu dan kaum Cina.

Melayu Pulau Pinang jauh ketinggalan sebenarnya dibandingkan dengan negeri-negeri maju yang lain. Alasan Ketua Menteri bukan dari UMNO menjadi penyebab utama Melayu Pulau Pinang mundur tidak boleh diterima sama sekali.

Apakah disebabkan gagal membangunkan ekonomi orang Melayu dan membasmi kemiskinan maka tuntutan jawatan Ketua Menteri perlu dipenuhi?

Alasan lapuk sebegini perlu dihakis daripada minda Pemuda UMNO jika inginkan orang Melayu dapat menikmati tempias arus pembangunan yang berkembang maju di Pulau Pinang.

Sepatutnya Pemuda UMNO perlu menggerakkan sikap dan mentaliti orang muda Pulau Pinang untuk turut sama meraih beberapa projek mega yang bakal dibina. Mereka sepatutnya menuntut agar orang Melayu dapat manfaat daripada projek tersebut. Projek pembinaan monorel, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Penang Outer Ring Road (PORR) adalah contoh projek mega yang bakal memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Pemuda perlu menggunakan kuasa desakan politik untuk memastikan agihan subkontraktor, peluang pekerjaan dan industri hiliran yang berkaitan dengan pembinaan projek tersebut dinikmati dan diambil kesempatan sepenuhnya oleh usahawan Melayu Pulau Pinang. Jangan hanya pandai menang sorak tetapi kampung tergadai.

Inilah peranan sebenar Pemuda UMNO Pulau Pinang untuk memperjuangkan nasib orang Melayu. Bukan sekadar cakap kosong sahaja tetapi tiada tindakan yang praktikal.

Eloklah Pemuda UMNO mendesak kerajaan supaya meletakkan beberapa prosedur dan syarat kepada pemaju projek supaya mengagihkan peluang perniagaan sebagai pembekal atau kon-

traktor kepada usahawan Melayu Pulau Pinang. Jika perlu mendapatkan sokongan daripada Ketua Menteri, lakukan segera dan ini lebih dihormati perjuangan Pemuda UMNO daripada mendesak jawatan Ketua Menteri digilirkan.

Beberapa tahun dahulu bekas Perdana Menteri semasa mengiringi Sultan Brunei melawat sekitar Teluk Bahang dan Batu Feringghi pernah mengatakan walaupun secara keseluruhan Pulau Pinang telah membangun, tetapi masih ada kawasan penempatan yang kelihatan seperti zaman tahun 50-an dengan keadaan rumah kayu yang tidak begitu selesa.

Masih terdapat penempatan Melayu di pusat bandar Georgetown, Air Hitam, Jelutong, Batu Uban, Sungai Nibong Besar dan Sungai Nibong Kecil yang berumah kayu lusuh dan buruk yang kelihatan tersepit di celah rumah teres, banglo, pangsapuri dan bangunan pencakar langit. Memang mereka boleh tinggal dalam rumah yang selesa kerana Pulau Pinang begitu banyak projek perumahan. Persoalannya berapa keratkah orang Melayu yang boleh membelinya jika sebuah rumah teres yang dibina di Sungai Ara tidak jauh dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas berharga RM200,000 ke atas?

Pembangunan negeri yang tidak seimbang menyebabkan ramai rakyat Pulau Pinang yang miskin dan tertinggal arus pembangunan. Malah ada ejakan daripada kaum lain yang mengatakan pen-

dapatan per kapita di Pulau Pinang mungkin lebih tinggi jika tidak kerana kemiskinan orang Melayu Pulau Pinang.

Perlu dilakukan sesuatu usaha yang serius untuk mengangkat kaum bumiputera ditempatkan yang sewajarnya dalam bidang-bidang yang mereka ketinggalan. Masalah ini bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara terutamanya di dalam bandar. Melayu Pulau Pinang di "Tanjung" lebih daif daripada di "Bagan" secara realitinya. Melayu "Tanjung" sukar untuk bersaing dengan kaum Cina dalam perniagaan tanpa bantuan daripada kerajaan.

Kerajaan Pusat telah menyalurkan bantuan berbilion ringgit untuk membantu Melayu Pulau Pinang tetapi hakikatnya tanpa sokongan kerajaan negeri dan agensi-agensinya seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Unit Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, Perda, Jabatan Pembangunan Negeri dan Majlis Agama Islam sebagai perancang pembangunan, usaha membantu Melayu di negeri tersebut tidak akan meninggalkan kesan yang besar.

Inilah masalah yang perlu diberikan perhatian oleh pemimpin UMNO yang mewakili orang Melayu di negeri itu.

- SAIFUL BAHRI SAIDIN,
Sekinchan, Selangor.